



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Pelawaan ini adalah terbuka kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG PELAWAAN	BUTIRAN LAWATAN TAPAK & PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH MULA & TUTUP PELAWAAN TENDER
<p>No. Tender : LPB/2024/T04</p> <p>Tajuk Tender :</p> <p>TENDER PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, BINTULU, SARAWAK (TENDER SEMULA)</p>	<p>Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) dalam Gred G5/G6 dibawah Kategori F dan Pengkhususan F01 – Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am.</p> <p>Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) yang sah dalam Gred G5/G6, Kategori F dan Pengkhususan F01</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang seperti berikut:-</p> <p>a) 221506 : Penyewaan & Pengurusan Bangunan/ Pejabat/ Stor/ Ruang Niaga/ Rumah Kediaman; DAN</p> <p>b) 220301 : Penyelenggaraan/ Pembaikan Alat Hawa Dingin (Window/Split/ Berpusat); ATAU</p> <p>c) 220503 : Penyelenggaraan/ Pembaikan Kejuruteraan dan Komunikasi Perkakas/ Sistem Elektrikal; ATAU</p> <p>d) 220504 : Penyelenggaraan/ Pembaikan Kejuruteraan dan Komunikasi Mesin & Peralatan Workshop; ATAU</p> <p>e) 220505 : Penyelenggaraan/ Pembaikan Kejuruteraan dan Komunikasi Mechanisation System; ATAU</p> <p>f) 22050 : Penyelenggaraan/ Pembaikan Kejuruteraan dan Komunikasi Pam/ Paip air dan Komponen</p>	<p>Kehadiran Lawatan Tapak adalah WAJIB</p> <p>dan akan diadakan pada 02 Oktober 2024 sehingga 10 Oktober 2024</p> <p>mulai jam 10.00 pagi</p> <p>bertempat di Lembaga Pelabuhan Bintulu Aras 1, Menara Kidurong KM12, Jalan Tanjung Kidurong 97007 Bintulu, Sarawak</p> <p>Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini adalah digalakkan untuk menghubungi Pegawai yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat bagi menyediakan tawaran tender</p> <p>Pegawai yang boleh dihubungi:</p> <p>Encik Abang Afzanizam Syam bin Abg Junaidi 086-232846</p> <p>Encik Abdul Mutalib Faisal bin Lampong 086-232844</p> <p>Puan Nur Rashiqa binti Suhaili 086-232845</p>	<p>Seksyen Kewangan Aras 9, Menara Kidurong, KM12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007 Bintulu, Sarawak</p> <p>Bermula 02 Oktober 2024 sehingga 25 Oktober 2024</p> <p>No. Untuk dihubungi: URUS SETIA PEROLEHAN</p> <p>086-232815/ 086-232817/ 086-232822</p>	<p>Tarikh mula: 28 September 2024</p> <p>Tarikh tutup: 31 Oktober 2024 Jam 12.00 Tengah Hari</p>

- Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan / Tender.
- Petender-petender yang ingin menyertai tender hendaklah membeli Dokumen Tender secara atas talian dengan menghubungi **Urus Setia Perolehan di talian 086-232817 atau 086-232822 dengan menyatakan No. Rujukan Tender.**

3. Softcopy dokumen tender beserta no siri hanya akan diserahkan melalui emel setelah:-
- Sijil dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang ditetapkan dikemukakan kepada Urus Setia Perolehan untuk semakan dan pengesahan; dan
 - Bukti pembayaran disertakan.

4. Kedua-dua Dokumen Pelawaan / Tender masing-masing boleh diperolehi dengan bayaran seperti berikut:-

NO RUJUKAN & TAJUK TENDER	HARGA DOKUMEN PER SET
LPB/2024/T04 - TENDER PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, BINTULU, SARAWAK (TENDER SEMULA)	RM100.00

5. Bayaran bagi Dokumen Pelawaan/ Tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wangkiriman pos berpaling (*postal order*) atau *electronic fund transfer* (EFT) atau pembayaran atas talian melalui platform pembayaran seperti FPX dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY**. Sila hubungi Urus Setia Perolehan untuk mendapatkan maklumat pembayaran
6. Satu petender hanya dibenarkan membeli satu (1) Dokumen Pelawaan / Tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. **TAWARAN ALTERNATIF ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
7. Semasa pendaftaran, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) **yang masih sah dan berkuatkuasa.**
8. Lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi Tender LPB/2024/T04, bagi memberi kemudahan kepada petender untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga tender. Dalam hal ini, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan. Petender dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat.
9. Kesemua Dokumen Pelawaan / Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar / kotak yang berlakri (*sealed*). Sampul / kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:-

Nombor Tender : Rujuk No. Tender dalam Jadual di atas

TAJUK TENDER
(Rujuk tajuk tender dalam Jadual di atas)

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Seksyen Kewangan
Menara Kidurong
KM12, Jalan Tanjung Kidurong
Bintulu, Sarawak

Tawaran tender hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 12.00 tengahari sebelum atau pada tarikh tutup tender seperti yang tertera dalam jadual di atas.

10. Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:-
- Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; dan
 - Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender.
11. Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
12. Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh petender semasa menyedia dan menghantar tender.
13. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Lembaga Pelabuhan Bintulu di alamat <http://www.bpa.gov.my>.